

20/08/2004

Drama Samy Vellu-Subra `kaburi' agenda MIC

By Magendran Rajagopal

PERSOALAN yang sudah pasti bermain di benak fikiran setiap perwakilan Perhimpunan Agung MIC Ke-58 yang akan berlangsung hujung minggu ini, sudah tentulah mengenai hala tuju pucuk pimpinan parti tunggal mewakili masyarakat India itu.

Pelbagai spekulasi tersebar luas apabila Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu menggugurkan timbalannya, Datuk S Subramaniam daripada senarai calon Pilihan Raya Umum ke-11 Mac lalu.

Pengecualian Subramaniam, 60, secara tidak langsung membangkitkan persoalan sama ada sejarah perjuangan beliau selama lebih 40 tahun dalam parti dan kerajaan akan terkubur begitu saja selain mencetuskan tanda tanya mengenai perancangan Samy Vellu dalam menentukan pucuk pimpinan akan datang.

Drama politik Samy Vellu-Subramaniam menjadi agenda utama MIC sepanjang tempoh mereka memegang dua jawatan utama parti itu sehingga agenda lebih penting seolah-olah kurang diberi kepentingan atau keutamaan untuk diselesaikan.

Justeru, tidak hairanlah jika ada pihak mempersoalkan sumbangan serta rasional dua tokoh pemimpin MIC yang masing-masing sudah hampir 23 tahun memegang jawatan Presiden dan Timbalan Presiden MIC.

Jika kembali mengamati lembaran sejarah MIC, ramai berpendapat hubungan Samy Vellu-Subramaniam tidak pernah akrab walaupun masing-masing menjadi presiden dan timbalan presiden sejak 1981.

Secara luaran, mungkin tidak keterlaluan jika dikatakan Samy Vellu sentiasa was-was Subramaniam yang secara diam-diam berusaha untuk menggulingkannya dan Subramaniam pula tahu Samy Vellu akan `membunuh' kerjaya politiknya jika mendapat peluang.

Bagaimanapun, amaran Samy Vellu bahawa beliau akan memecat mana-mana perwakilan yang cuba mengusulkan undi tidak percaya terhadap Subramaniam ketika perhimpunan agung tahun ini, membuktikan timbalan presiden itu masih mempunyai tempat di hatinya.

Tambahan pula, ketika Subramaniam menerima berita beliau digugurkan sebagai calon, ramai yang berkunjung ke rumahnya di Petaling Jaya hairan kerana Subramaniam tidak nampak terkejut atau murung, sebaliknya beliau pula sibuk menenangkan penyokongnya yang berlinangan air mata.

Sekitar pertengahan 1970-an, Subramaniam diketahui umum sebagai anak didik bekas Presiden MIC ketika itu, Tan Sri V Manikavasagam dan dikatakan diasuh secara peribadi bagi mengambil alih jawatan presiden satu hari nanti.

Bagaimanapun, Samy Vellu yang ketika itu mendapat sokongan padu akar umbi, berjaya mengalahkan Subramaniam bagi jawatan timbalan presiden pada pemilihan 1978 dan apabila Manikavasagam meninggal dunia pada 1979, Samy Vellu menjadi pemangku presiden sehingga 1981 sebelum disahkan sebagai presiden pada tahun sama, manakala Subramaniam menjadi timbalannya.

Masalah pertama menandakan persengketaan Samy Vellu-Subramaniam mula ketara pada 1989 apabila Subramaniam bertindak mencabar Samy Vellu untuk jawatan presiden dengan bantuan seorang lagi naib presiden ketika itu, mendiang Datuk K Pathmanaban.

Bagaimanapun, Subramaniam kalah dan sebagai `hukuman' Samy Vellu menggugurkan kedua-duanya daripada menjadi calon BN pada Pilihan Raya Umum 1990.

Namun, Subramaniam kembali semula pada 1991 apabila dilantik sebagai

Ahli Dewan Negara dan dipilih sebagai Timbalan Menteri Pertanian atas jasa baik bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pada 1995, selepas hubungan Samy Vellu-Subramaniam pulih berikutan krisis 1989, beliau dicalonkan semula sebagai calon BN dan menang di Segamat serta dilantik menjadi Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta kekal di jawatan itu sehingga Parlimen dibubarkan 4 Mac lalu.

Pengguguran Subramaniam kali ini pula dikatakan berpunca daripada permainan politik Presiden Barisan kemajuan India Malaysia (IPF), Datuk MG Pandithan (bekas Naib Presiden MIC) yang membangkitkan isu Maika Holdings awal tahun ini.

Satu-satunya dosa Subramaniam kali ini ialah kerana kegagalan beliau mempertahankan Samy Vellu apabila Pandithan dan Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), Datuk M Kayveas, menegur Presiden MIC itu berhubung isu saham Maika Holdings.

Kedudukan tahap sosioekonomi masyarakat India ternyata memainkan peranan penting dalam kehidupan politik setiap pemimpin MIC dan kematangan pemikiran rakyat kini membuatkan kedudukan mereka bagai telur di hujung tanduk.

Baru-baru ini, Samy Vellu meluahkan kekecewaan kerana masyarakat India tidak dapat mencapai penguasaan ekonomi tiga peratus walaupun sudah hampir lima tahun ia diumumkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8).

Tahun lalu, beliau ada mengumumkan bahawa masyarakat India kini memiliki ekuiti kira-kira RM18 bilion sedangkan ia termasuk harta seorang individu, Ananda Krishnan, individu kedua terkaya di negara ini dengan aset peribadi RM12.87 bilion.

Pada hakikatnya, kekayaan masyarakat India negara ini masih dimiliki segelintir individu saja dan secara tidak langsung, mengakibatkan jurang perbezaan sosioekonomi yang besar di kalangan masyarakat India di negara ini.

Selain itu, banyak lagi masalah yang dihadapi masyarakat India, umpamanya kadar keciciran yang tinggi, masalah ketagihan minuman keras atau dadah dan pembabitan dalam gangsterisme. Lebih 60 peratus jenayah berat dikenal pasti didalangi penjenayah berketurunan India.

Dari segi pendidikan, pelajar India yang diterima memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA) susut daripada 10 peratus kepada 5.2 peratus, manakala pengambilan kakitangan berketurunan India dalam sektor awam merudum daripada 9.8 peratus (1980) kepada 5.2 peratus pada 2003.

Inilah persoalan yang perlu dijawab oleh Samy Vellu dan Subramaniam pada perhimpunan kali ini. sesudah hampir 24 tahun memegang tampuk utama MIC, apa pencapaian mereka untuk manfaat masyarakat.

Bagaimanapun, berkemungkinan besar tiada sesiapa pun daripada kira-kira 4,500 ahli MIC yang akan membanjiri Kompleks Belia dan Kebudayaan Selangor di Shah Alam pada Sabtu dan Ahad ini, berani tampil membangkitkan isu berkenaan.

Rata-rata, 1,500 ketua bahagian dan 2,500 ketua cawangan dijangka memendamkan perasaan demi kerjaya politik masing-masing semata-mata untuk mengelak menerima nasib sama seperti Subramaniam. Kalau timbalan presiden boleh digugurkan apatah lagi mereka pada peringkat akar umbi.

Ditanya mengenai perselisihan antara beliau dan Samy Vellu, Subramaniam menyifatkannya sebagai perbezaan pendapat mengenai cara dan gaya masing-masing membawa pembaharuan kepada masyarakat India di negara ini.

"Saya dan Samy Vellu sependapat untuk memajukan tahap sosioekonomi dan pendidikan masyarakat India, tetapi cara serta kaedah yang kami fikirkan masing-masing berbeza. Jadi tidak hairanlah ada kalanya ini ditafsir sebagai percanggahan.

"Saya jangka isu ekonomi dan pendidikan akan menjadi agenda utama

perhimpunan kali ini. sudah tentu masing-masing mempunyai rumusan tersendiri bagi memperbaiki kedudukan masyarakat India, tetapi kita akan menyampaikannya kepada kerajaan sebagai satu entiti," katanya.

Antara lain, `perubahan besar' yang hangat diperkatakan ialah penukaran cogan kata MIC daripada `MIC Cares' (MIC Prihatin) kepada `MIC Is There For You' (MIC di sini Untuk Anda) dan penukaran logo MIC yang dicadangkan Samy Vellu.

Bagaimanapun, pertukaran logo hanya dapat dilakukan pada 2005 kerana perlu pindaan perlembagaan parti.

Walaupun pencapaian masyarakat India di bawah teraju MIC selaku wakil tunggal masyarakat India dalam Barisan Nasional (BN) masih belum mencapai tahap diharapkan, tidak ada pilihan selain MIC untuk masyarakat India negara ini.

Masyarakat India mula diwakili dalam kerajaan negara ini seawal 1952 apabila Datuk Sir Clough Thuraisingham, seorang berbangsa Tamil keturunan Sri Lanka dilantik sebagai wakil dalam Kabinet Templer, tetapi beliau tidak mendapat sokongan masyarakat Tamil berketurunan India.

Keadaan ini memaksa Jeneral Sir Gerald Templer melakukan rombakan Kabinet dengan melantik VM Menon sebagai anggota Kabinet bertanggungjawab untuk Jabatan Pos dan Telegraf.

Walaupun diasaskan seawal 1946, MIC hanya menyertai gabungan Perikatan yang bermula dengan Umno dan MCA pada 1955, yakni sejurus sebelum pilihan raya umum pertama di negara ini pada Julai 1955.

Sesudah 58 tahun, MIC kekal sebagai parti tunggal mewakili masyarakat India dalam Kabinet walaupun wujud serpihan seperti Parti Punjabi Malaysia, Kongres India Muslim dan Kongres Ceylonese Malaysia cuba menyertai BN selaku parti komponen.

Namun, semua mereka gagal kerana dasar persefahaman BN memerlukan persetujuan semua parti komponen untuk membolehkan penyertaan parti baru dan masing-masing begitu pasti permohonan mereka gagal kerana dibantah MIC.

Justeru, ramai juga yang mempersoalkan kenapa MIC begitu cemburu dengan kedudukannya sebagai wakil tunggal masyarakat India, sedangkan tidak banyak pembangunan disaksikan dari segi peningkatan sosio ekonomi, penguasaan ekuiti dan pendidikan.

Sebaliknya, masalah sosial seperti gangsterisme sudah mula menular dalam lapisan pucuk pimpinan cawangan MIC sendiri sehingga mendorong pelbagai pihak mempersoalkan kewajaran parti itu terus mendabik dada sebagai parti tunggal mewakili kaum India.

Walaupun Samy Vellu menafikan wujud unsur gangsterisme dalam parti, pada hakikatnya lebih indah khabar daripada rupa kerana beberapa ketua cawangan sudah pun diheret ke mahkamah atas tuduhan membunuh atau terbabit dalam pelbagai kegiatan jenayah.

Jadi tidak hairanlah jika ada yang mempersoalkan rasional menukar logo dan cogan kata parti kerana ia tidak membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi masyarakat, sebaliknya ia hanya memberi penampilan baru kepada masalah lama.

Dalam temu bual dengan Samy Vellu baru-baru ini, beliau ternyata mengetahui apa masalah yang dihadapi masyarakat India di sini tetapi tidak banyak penyelesaian dapat dirumuskan.

Bagaimanapun, semua itu bakal berubah kerana Samy Vellu sudah melakar pelan bertindak yang komprehensif untuk digerakkan sehingga ke peringkat akar umbi menerusi jentera dan agensi kerajaan akar umbi.

Ramai menjangkakan masa depan lebih cerah untuk masyarakat India bukan saja kerana perjuangan Samy Vellu tetapi sebaliknya turut menaruh harapan terhadap kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang terbuka, telus dan saksama.

Walaupun begitu, masyarakat India masih memerlukan perantaraan yang berkesan untuk menyampaikan masalah masyarakat India kepada kerajaan. Berapa lama lagi Samy Vellu akan memikul tanggungjawab melaksanakan tugas itu belum dapat dipastikan.

Mereka yang berura-ura menggantikan tempat Samy Vellu harus sedar bahawa beban yang dipikul saban hari bertambah berat dan perlukan komitmen tinggi serta kesinambungan perjuangan bagi memastikan masyarakat India tidak tercicir daripada arus pembangunan perdana.

Pengguguran Subramaniam daripada senarai calon pilihan raya seolah-olah membuka ruang kepada pemimpin muda lain dalam MIC sebagai pelapis pucuk pimpinan tertinggi pada pemilihan parti 2006. Tetapi, manusia hanya dapat merancang dan Tuhan menentukan segala-galanya.

(END)